



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA


***FAKTOR MEMPENGARUHI PELAKSANAAN SOLAT MURID
TINGKATAN EMPAT SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH HULU
LANGAT, SELANGOR, MALAYSIA***

NURUL SYUHADA BT JOHARI

FPP 2017 5



**FAKTOR MEMPENGARUHI PELAKSANAAN SOLAT MURID
TINGKATAN EMPAT SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH HULU
LANGAT, SELANGOR, MALAYSIA**



**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah
Master Sains**

Mac 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai
memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**FAKTOR MEMPENGARUHI PELAKSANAAN SOLAT MURID
TINGKATAN EMPAT SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH HULU
LANGAT, SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

NURUL SYUHADA BT JOHARI

Mac 2017

Pengerusi : Fathiyah Mohd Fakhruddin, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pelaksanaan ibadat dalam kalangan murid sekolah menengah di daerah Hulu Langat, Selangor Malaysia yang bertujuan untuk menentukan hubungan metodologi pengajaran guru, sikap murid terhadap ibadat solat dan persekitaran pembelajaran murid dengan pelaksanaan ibadat solat. Kajian ini mengenal pasti sumbangan tiga faktor tersebut terhadap pelaksanaan ibadat solat murid menggunakan reka bentuk kajian korelasi dan teknik pensampelan rawak dua peringkat. Seramai 360 orang murid tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam di daerah Hulu Langat dijadikan sebagai sampel kajian. Instrumen kajian adalah berbentuk soal selidik serta nilai kebolehpercayaan konstruk bagi metodologi pengajaran guru (.92), sikap murid terhadap ibadat solat (.76), persekitaran pembelajaran murid (.77) dan pelaksanaan ibadat solat (.89). Dapatkan kajian menunjukkan tahap pelaksanaan ibadat solat adalah tinggi (Min=4.26, SP=0.35), metodologi pengajaran guru berada pada tahap tinggi (Min=4.06, SP=0.40), sikap murid terhadap ibadat solat juga tinggi (Min=4.19, SP=0.32) dan persekitaran pembelajaran murid adalah tinggi (Min=4.07, SP=0.42). Manakala analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara metodologi pengajaran guru ($r=.328$), sikap murid terhadap ibadat solat ($r=.288$) dan persekitaran pembelajaran murid ($r=.426$) dengan pelaksanaan ibadat solat. Analisis regresi pula menunjukkan boleh ubah metodologi pengajaran guru ($\beta=.109$), sikap murid terhadap ibadat solat ($\beta=.237$), persekitaran pembelajaran murid ($\beta=.267$) telah menyumbang sebanyak 23.4 peratus terhadap pelaksanaan ibadat solat. Secara kesimpulannya, kajian ini jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan ibadat solat murid dipengaruhi oleh tiga faktor yang dikaji. Oleh yang demikian, guru perlu bijak dalam menerapkan pendekatan dan kaedah yang bersesuaian dengan pengajaran ibadat solat agar dapat menarik minat murid untuk melaksanakan solat di sekolah. Di samping itu, peranan ibu bapa pula adalah memberi didikan agama yang sempurna serta menunjukkan sikap yang baik untuk dicontohi oleh anak-anak mereka.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putera Malaysia in fulfillment
of the requirement for the degree of Master of Science

**FACTORS AFFECTING THE PRAYERS OF FORM FOUR SECONDARY
SCHOOL STUDENTS IN HULU LANGAT, SELANGOR, MALAYSIA**

By

NURUL SYUHADA BT JOHARI

March 2017

Chairman : Fathiyah Mohd Fakhruddin, PhD
Faculty : Educational Studies

This study was conducted to determine the implementation of prayers among secondary school students. In addition, this study aims to determine the relationship between methodology of teaching, student attitudes toward prayers and the learning environment of students with implementation of prayers. This study also identifies three factors that contribute to the implementation of the prayers of the students. This study is used a correlational study as the research design and a two-stage random sampling. A total of 360 form four students who take the subject of *Pendidikan Islam* in Hulu Langat is used as a sample. The instrument used in this study is questionnaire and the reliability construct of the methodology of teaching (.92), student attitude toward ritual prayers (.76), the learning environment of students (.77) and the implementation of the ritual prayers (.89). The findings showed that the level of implementation of the prayers is high (mean = 4.26, SD = 0.35), the methodology of teaching at the high level (Mean = 4.06, SD = 0.40), the attitude of students towards prayers is high (mean = 4.19, SD = 0.32) and the learning environment of student is high (mean = 4.07, SD = 0.42). Meanwhile, Pearson correlation analysis showed a significant relationship between the methodology of teaching ($r = .328$), attitude toward students prayers ($r = .288$) and the learning environment of students ($r = .426$) with the implementation of the prayers. Regression analysis showed that the variables of methodology of teaching ($\beta = .109$), attitude toward students prayers ($\beta = .237$), the learning environment of students ($\beta = .267$) contributed 23.4% of the implementation of prayers. In conclusion, this study clearly shows that the implementation of the prayers of students is affected by three factors. Therefore, teachers need to be ingenious in applying appropriate approaches and methods for teaching prayers in order to attract students to perform prayers in school. Besides that, the role of parents are to give religious education and show a good attitude to be followed by their children at home.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat, kudrat dan inayahNya sehingga dapat menyempurnakan tesis penyelidikan ini. Dengan izinNya maka terhasil tesis pengajian saya sebagai memenuhi syarat untuk penganugerahan Master Sains Kurikulum dan Pengajaran daripada Universiti Putra Malaysia.

Setinggi penghargaan saya rakamkan buat penyelia saya Dr. Fathiyah Mohd Fakhruddin kerana sudi mencurahkan ilmu, meluangkan masa, memberi bimbingan dan tunjuk ajar terutama dalam pencarian bahan ilmiah, menyemak serta memberi idea dalam penulisan. Tidak dilupakan juga Prof. Madya Dr. Asmawati Suhid yang banyak membantu menyumbangkan idea dan tunjuk ajar bagi menyempurnakan penulisan kajian saya.

Jutaan penghargaan limpahan kasih sayang tidak terhingga kepada Mak dan Abah yang sentiasa menjadi pendorong serta sentiasa memberi semangat. Tidak dilupakan buat suami yang tercinta yang banyak membantu dalam menyiapkan penulisan ini. Sekalung kasih sayang juga untuk abang, kak long dan adik-adik yang sangat memahami serta membantu sepanjang pemasafiran ilmu ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, PPD Hulu Langat, Bahagian Pendidikan Islam, Pengetua-pengetua sekolah yang telah memberi kerjasama dalam menyiapkan kajian ini. Seterusnya, jutaan terima kasih buat Prof. Madya Dr. Muhd Fauzi Mohammad, Prof Madya Dr. Aminuddin, Dr. Othman Talib, Prof Madya Dr. Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Prof Madya Dr. Aderi Che Noh, Dr. Khadijah Abdul Razak dan Dr. Aini Marina Ma'arof segala kerjasama dan ilmu yang dicurahkan.

Seterusnya, terima kasih diucapkan kepada sahabat seperjuangan yang banyak membantu dalam memudahkan perjalanan tesis ini. Akhir kata, sekalung terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan sarjana ini. Semoga Allah SWT juga yang membalas jasa baik kalian dengan sebaik-baik balasan.

Sekian Terima Kasih.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 3 Mac 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nurul Syuhada binti Johari bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Faktor Mempengaruhi Pelaksanaan Solat Murid Tingkatan Empat Sekolah Menengah di Daerah Hulu Langat, Selangor, Malaysia” mengikut Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U(A)106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakuan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Fadzilah binti Abd Rahman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Aminuddin bin Hassan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Misnan bin Jemali, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pendidikan
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Brunei Darussalam
(Pemeriksa Luar)

NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 2 Jun 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Fathiyah Mohd Fakhruddin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Asmawati Suhid, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya, memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau universiti lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan)2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetak atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbas dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: _____

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr.Fathiyah Mohd Fakhruddin

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Profesor Madya Dr.Asmawati Suhid

JADUAL ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
 BAB	
1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Pelaksanaan Ibadat Solat	2
1.2.2 Faktor yang Mempengaruhi Pelaksanaan Solat	4
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Limitasi Kajian	10
1.8 Definisi Konsep dan Operasional Kajian	10
1.8.1 Ibadat Solat	10
1.8.2 Metodologi Pengajaran Guru	10
1.8.3 Pendekatan Pengajaran	11
1.8.4 Kaedah Pengajaran	11
1.8.5 Sikap Terhadap Ibadat Solat	11
1.8.6 Persekuturan Pembelajaran	12
1.9 Kesimpulan	12
2 KAJIAN LITERATUR	13
2.1 Pendahuluan	13
2.2 Konsep Ibadat Solat	13
2.3 Sejarah Pensyariatan Solat	14
2.4 Kurikulum Pendidikan Islam dalam Sistem Pendidikan Negara	16
2.5 Ibadat dalam Pendidikan Islam Sekolah Menengah	17
2.6 Model Solat Sempurna Oleh Al-Ghazali	19
2.7 Pelaksanaan Solat	22
2.8 Metodologi Pengajaran	24
2.9 Kaedah dan Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Ibadat	27
2.10 Sikap Murid Terhadap Ibadat Solat	29
2.11 Persekuturan Pembelajaran	32
2.12 Teori Pembelajaran Sosial	34
2.13 Teori Konstruktivis Sosial	36

2.14	Kerangka Teori Kajian	38
2.15	Kerangka Konseptual Kajian	39
2.16	Kesimpulan	40
3	METODOLOGI KAJIAN	42
3.1	Pendahuluan	42
3.2	Reka Bentuk Kajian	42
3.3	Populasi Kajian	43
3.4	Persampelan	43
3.5	Instrumen Kajian	45
3.5.1	Bahagian A: Maklumat Demografi	46
3.5.2	Bahagian B : Metodologi Pengajaran Guru	46
3.5.3	Bahagian C : Sikap Murid Terhadap Ibadat Solat	46
3.5.4	Bahagian D : Persekutaran Pembelajaran Murid	47
3.5.5	Bahagian E : Pelaksanaan Ibadat Solat	48
3.6	Kesahan Instrumen Kajian	48
3.7	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	49
3.8	Kajian Rintis	50
3.9	Prosedur Kajian	51
3.10	Analisis Data	52
3.10.1	Analisis Deskriptif	52
3.10.2	Analisis Inferensi	52
3.11	Analisis Data Kajian	54
3.12	Analisis Penerokaan Data	55
3.13	Kesimpulan	58
4	DAPATAN KAJIAN	59
4.1	Pendahuluan	59
4.2	Demografi Responden	59
4.3	Tahap Pelaksanaan Ibadat Solat, Metodologi Pengajaran Guru, Sikap Murid Terhadap Ibadat Solat dan Persekutaran Pembelajaran Murid dalam Kalangan Murid Sekolah.	61
4.3.1	Tahap Pelaksanaan Ibadat Solat	61
4.3.2	Tahap Metodologi Pengajaran Guru	64
4.3.3	Tahap Sikap Murid Terhadap Ibadat Solat	67
4.3.4	Tahap Persekutaran Pembelajaran Murid	69
4.4	Hubungan antara Pemboleh Ubah dikaji dengan Pelaksanaan Ibadat Solat.	72
4.5	Sumbangan Faktor Peramal yang Mempengaruhi Pelaksanaan Solat	73
4.6	Kesimpulan	75
5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN	76
5.1	Pendahuluan	76
5.2	Ringkasan Kajian	76
5.3	Perbincangan Kajian	77
5.3.1	Tahap Pelaksanaan Ibadat Solat	77
5.3.2	Tahap Metodologi Pengajaran Guru	78
5.3.3	Tahap Sikap Murid Terhadap Ibadat Solat	79

5.3.4	Tahap Persekutaran Pembelajaran Murid	80
5.3.5	Hubungan Metodologi Pengajaran, Sikap Murid Terhadap Ibadat Solat, Persekutaran Pembelajaran Dengan Pelaksanaan Ibadat Solat	82
5.3.6	Sumbangan Faktor Peramal yang Mempengaruhi Pelaksanaan Ibadat Solat	83
5.4	Implikasi Kajian	80
5.5	Cadangan	84
5.5.1	Cadangan Kepada Murid	85
5.5.2	Cadangan Kepada Ibu bapa	85
5.5.3	Cadangan Kepada Guru dan Pihak Sekolah	85
5.5.4	Cadangan untuk Kajian Lanjutan	86
5.6	Kesimpulan	86
BIBLIOGRAFI		88
LAMPIRAN		100
BIODATA PELAJAR		125
SENARAI PENERBITAN		126

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
2.1 Model Solat Sempurna oleh Al-Ghazali (1994)	22
3.1 Komponen Metodologi Pengajaran	46
3.2 Sikap Murid Terhadap Ibadat Solat	47
3.3 Persekutaran Pembelajaran Murid	47
3.4 Pelaksanaan Ibadat Solat	48
3.5 Jadual Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	49
3.6 Panel Pakar Kesahan Instrumen	49
3.7 Nilai Pekali Kebolehpercayaan “ <i>Cronbach Alpha</i> ”	50
3.8 Interpretasi Skor Min	52
3.9 Guilford’s Rule of Thumbs	53
3.10 Ujian Collinearity Tolerance dan VIF	54
3.11 Analisis Statistik	54
3.12 Hasil Ujian Normaliti Data Berdasarkan Nilai Skewness dan Kurtosis	56
4.1 Taburan Demografi Responden	60
4.2 Skor Min Keseluruhan Pemboleh Ubah	61
4.3 Skor Min dan Tahap Pelaksanaan Ibadat Solat	62
4.4 Pelaksanaan Ibadat Solat Terhadap Perkara Sebelum Solat	62
4.5 Pelaksanaan Ibadat Solat Terhadap Perkara Dalam Solat	63
4.6 Skor Min dan Tahap Metodologi Pengajaran Guru	64
4.7 Metodologi Pengajaran Guru dalam Pendekatan	65
4.8 Metodologi Pengajaran Guru dalam Kaedah	66
4.9 Skor Min dan Tahap Sikap Murid Terhadap Ibadat Solat	67
4.10 Sikap Tingkah Laku	67
4.11 Sikap Afektif	68
4.12 Sikap Kognitif	69
4.13 Tahap Persekutaran Pembelajaran Murid	70
4.14 Persekutaran Pembelajaran di Rumah	70
4.15 Persekutaran Pembelajaran di Sekolah	71
4.16 Ujian Korelasi Pearson antara Metodologi Pengajaran Guru, Sikap Murid Terhadap Ibadat Solat, Persekutaran Pembelajaran Murid Dengan Pelaksanaan Solat	72
4.17 Ringkasan model	73
4.18 <i>Coefficient Multiple Linear Regression</i> Pelaksanaan Solat sebagai Pemboleh ubah Bersandar	74

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
2.1 Adaptasi daripada Teori Sosial Kognitif Bandura	35
2.2 Kerangka Teori Kajian	39
2.3 Kerangka konseptual Kajian	40
3.1 Teknik Pensampelan Rawak Dua Peringkat	45
3.2 Boxplot setiap pemboleh ubah	57
3.3 Histogram setiap pemboleh ubah	57
3.4 <i>Normal Q-Q plot</i>	58

SENARAI SINGKATAN

PI	Pendidikan Islam
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
j-QAF	Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain
KBS	Kem Bestari Solat
PAFA	Perkara Asas Fardu Ain
GCPI	Guru Cemerlang Pendidikan Islam
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
TMm	Teknologi Multimedia
IPTA	Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Halaman
A Soal Selidik	100
B Surat Kebenaran EPRD	108
C Surat Jabatan Pelajaran Negeri Selangor	109
D Surat Kebenaran Sekolah	110
E Surat Kebenaran Menggunakan Instrumen	118
F Surat Penyemak Instrumen	119
G Residual Statistik	122
H Normal P-P Plot	123
I Scatterplot	124

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan merupakan wahana terpenting bagi membangunkan modal insan sesebuah negara. Sistem pendidikan yang bersifat holistik adalah antara prasyarat untuk melahirkan individu bersifat holistik dalam membangunkan perkembangan diri. Dalam konteks negara Malaysia, penggubalan Falsafah Pendidikan Islam dapat dijadikan sebagai panduan untuk membentuk perkembangan diri secara menyeluruh termasuklah akal, rohani, jasmani dan emosi. Buktiya, melalui pernyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2002) berbunyi:

Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa pengungkapan Falsafah Pendidikan Islam merangkumi aspek yang menyeluruh dan syumul agar dapat melahirkan insan yang kamil. Justeru itu, pengenalan mata pelajaran Pendidikan Islam (PI) telah diajar dari peringkat pra sekolah sehingga menengah sesuai dengan hasrat falsafah Pendidikan Islam berkenaan.

Dalam konteks pendidikan menengah, mata pelajaran Pendidikan Islam telah diwajibkan kepada semua murid Islam. Pendidikan Islam KBSM meliputi tiga bidang utama. Bidang tersebut adalah Tilawah Al-Quran dan Al-Hadis, Ulum Syar'iyyah dan Adab Berteraskan Akhlak Islamiyah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002b). Bidang Ulum Syar'iyyah dibahagikan kepada tiga sub bidang iaitu Akidah, Ibadat dan Sirah Nabawiyah (Ahmad Mohd Salleh, 2011). Dalam bidang ibadat, antara tajuk penting yang dibincangkan ialah tentang ibadat solat. Perbincangan ibadat solat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam merangkumi solat fardu dan sunat. Begitu juga aspek rukun, syarat wajib dan sah solat termasuk dalam bab ibadat solat. Ini jelas membuktikan pengajaran ibadat solat antara perkara yang diberi penekanan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras dalam sistem pendidikan di Malaysia. Bidang ibadat adalah bidang yang banyak mengandungi amali meliputi fardu ain dan fardu kifayah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Berdasarkan

kenyataan tersebut maka telah diperkenalkan pengajaran ibadat dalam dua bentuk pengajaran amali dan teori. Oleh itu, guru perlu menerokai pelbagai pendekatan dan kaedah yang bersesuaian untuk mencapai objektif pengajaran. Pendekatan dan kaedah yang dipilih harus bersesuaian dengan tahap kemampuan murid untuk memudahkan mereka memahami isi pelajaran. Pernyataan ini dijelaskan oleh Asmawati & Lukman (2009) menyatakan bahawa bentuk pengajaran ibadat solat secara amali dan teori bukan sahaja dapat memberi kefahaman yang jelas tetapi dapat menggalakkan murid menunaikan solat di sekolah. Hal ini menunjukkan pentingnya pelaksanaan ibadat solat di peringkat sekolah sebagai tempat untuk memperolehi ilmu pengetahuan.

Seterusnya, solat ialah ibadat utama yang wajib ditunaikan oleh individu muslim sebanyak lima kali sehari (Abd. Rashid Ahmad, 1995). Ibadat solat merupakan salah satu bentuk perhambaan manusia kepada Allah SWT. Manusia perlu sujud dan mengabdikan diri semata-mata untuk mendapat keredaan daripada-Nya. Kesan positif yang akan diperolehi hidup mereka akan diberkati di dunia dan akhirat. Namun, sekiranya pelaksanaan ibadat tersebut tidak dijalankan mengikut syariat dan landasan yang betul, maka keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja akan menghasilkan sikap tidak mengambil berat tentang pendidikan agama Islam menjadi suatu isu yang membimbangkan (Rohana, Norhasni, Azimi, & Fathiyah, 2013). Oleh yang demikian, satu kajian tentang faktor yang mempengaruhi pelaksanaan ibadat solat wajar dijalankan. Kajian ini wajar dijalankan untuk mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada pelaksanaan solat agar dapat dijadikan panduan kepada guru dan ibu bapa.

1.2 Latar Belakang Kajian

1.2.1 Pelaksanaan Ibadat Solat

Solat merupakan rukun Islam kedua yang perlu ditunaikan oleh setiap umat Islam. Solat adalah ibadat pertama yang disyariatkan oleh Allah SWT kepada umat Islam. Oleh itu, wajib ke atas umat Islam untuk melaksanakan solat sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT. Pelaksanaan solat dapat mencegah seseorang daripada melakukan maksiat. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Bacalah serta ikutilah (Wahai Muhammad) apa yang diwahyukan kepadamu dari al-Quran dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun), sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar, dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedah dan kesannya), dan (ingatlah) Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.”

(Al-Ankabut 29:45)

Ayat diatas menerangkan bahawa solat dapat mendorong individu untuk melakukan kebaikan dan menghalang daripada melakukan kejahanan (Abdul Rashid, 2003). Dengan ini, solat dapat menimbulkan sifat taqwa dalam diri individu (Mohammad Zaini, 2014). Menurut Muhammad Shadid (1994) ibadat solat adalah intipati daripada pemikiran al-Quran yang berkisarkan tentang manusia iaitu terdiri daripada roh, akal dan jasmani. Ketiga-tiga unsur tersebut tidak boleh dipisahkan dan dapat disepadukan melalui pelaksanaan ibadat solat. Sebagai contoh semasa ruku', sujud dan berdiri dengan betul dapat menguatkan jasmani. Manakala berfikir, merenung dan memahami maksud bacaan dalam solat pula dapat menguatkan akal. Seterusnya, berdoa dan munajat juga dapat menguatkan rohani. Ternyata ketiga-tiga unsur yang dinyatakan tadi terkandung dalam ibadat solat.

Ibadat solat bukan merupakan perkara yang sia-sia, ia adalah amalan untuk mendekatkan diri antara hamba dengan Pencipta-Nya. Manusia dijadikan oleh Allah SWT sebagai khalifah di muka bumi. Melalui pelaksanaan ibadat solat dapat mendidik individu muslim tentang bagaimana menyembah, mentaati, memohon pertolongan dan keampunan kepada-Nya (Ghazali Darusalam, 2004). Hal ini amat bersesuaian dengan objektif kehidupan umat Islam supaya bersatu dan berpegang teguh dengan ajaran Islam (Mohd Rumaizuddin, 2005). Selari dengan falsafah PI untuk membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah SWT (Ahmad Mohd Salleh, 2011). Hal ini jelas menyatakan ibadat solat terbentuk daripada falsafah pendidikan Islam.

Dalam konteks pengajaran ibadat, peruntukan masa PI KBSM bagi peringkat menengah rendah ialah 240 minit dibahagikan kepada enam waktu dengan 40 minit bagi satu waktu. Manakala tiga waktu diakhiri dalam waktu persekolahan biasa, dua waktu diakhir dalam masa tambahan dan satu waktu untuk amali solat. Peruntukan masa bagi peringkat menengah atas ialah 160 minit seminggu yang boleh dibahagikan kepada tiga waktu pengajaran biasa dan satu untuk amali solat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Sehubungan itu, pelaksanaan ibadat solat terkandung dalam Pendidikan Islam KBSM yang dilaksanakan dalam bentuk teori dan amali di peringkat sekolah menengah. Peruntukkan waktu perjalanan amali solat dilaksanakan pada dua peringkat masa yang berbeza. Amali solat dilakukan secara berjemaah dalam waktu solat zohor atau asar di surau. Seterusnya dilakukan dalam aktiviti kokurikulum pada sebelah pagi bagi sesi pagi dan sebelah petang bagi sesi petang juga di surau sekolah (Mohd Shafie Bani Hidayat, Nor Hayat Fatmi, Nor Saleha, & Ab. Halim, 2011). Manakala pada peringkat teori akan diajar dalam pengajaran ibadat solat dalam bilik darjah. Matlamat amali solat adalah untuk memberi kemahiran kepada murid agar dapat melakukan amalan wuduk, solat fardu dan solat sunat, bacaan-bacaan dalam solat dan doa-doa yang tertentu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2008). Oleh itu, pengajaran ibadat solat ini diharapkan dapat melahirkan murid yang sentiasa menghargai dan menepati waktu, sentiasa dalam wuduk, sentiasa bersih dari segi lahiriah dan batiniah, bertanggungjawab dan hidup berjemaah, bersih dari amalan keji dan mungkar dan akhir sekali sentiasa mengingati, mencintai dan muttaqin kepada Allah SWT (Mohd Shafie Bani Hidayat et al., 2011).

Pendidikan solat dapat membentuk individu yang taat pada perintah-Nya. Individu yang taat serta patuh kepada Pencipta akan membantu sifat yang beriman, berilmu dan berakhhlak mulia. Selaras dengan intipati falsafah PI untuk melahirkan muslim yang berilmu, beriman, berketrampilan, beramal soleh, beradab dan berakhhlak mulia bersandarkan al-Quran dan sunnah sebagai hamba dan khalifah Allah SWT yang bertaqwa dan menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara (Ahmad Mohd Salleh, 2011). Justeru, pendidikan solat perlu dijadikan silibus yang pertama diperkenalkan kepada murid diperingkat awal persekolahan.

1.2.2 Faktor yang Mempengaruhi Pelaksanaan Solat

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pelaksanaan ibadat solat dalam kalangan murid di sekolah. Antaranya ialah metodologi pengajaran guru (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2007), sikap murid terhadap ibadat solat (Mohd. Suhardi 2004 ; Walijah , 2010) dan persekitaran pembelajaran (Rohana et al., 2013; Sharifah Nur, 2012).

Faktor pertama yang mempengaruhi pelaksanaan ibadat solat ialah metodologi pengajaran guru. Metodologi pengajaran melibatkan dua cara iaitu pendekatan dan kaedah. Kedua-dua unsur digabungkan dalam pengajaran ibadat solat bertujuan memudahkan murid memahami pelaksanaan ibadat tersebut. Guru akan memilih cara yang paling sesuai untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Hal ini seperti dijelaskan dalam Kajian Ab. Halim, Khadijah dan Shahrin (2010) yang menyarankan guru agar mempelbagaikan pendekatan dan kaedah bersesuaian kerana tiada satu kaedah khusus yang terbaik ke atas semua murid untuk satu mata pelajaran. Hal ini kerana tahap pemikiran, kematangan dan keupayaan murid untuk memahami satu-satu pengajaran adalah berbeza-beza antara satu sama lain. Oleh itu, guru perlu melaksanakan metodologi pengajaran yang pelbagai untuk menarik minat murid supaya terus mengikuti pengajaran dan pembelajaran dalam tempoh masa yang lama. Kemahiran guru mengendalikan kelas merupakan antara faktor yang dapat menarik minat murid untuk belajar. Dengan kata lain, guru yang mampu menguasai pelbagai kemahiran pendekatan dan kaedah dalam pengajaran dapat merangsang minat murid untuk belajar (Ghazali Darusalam, 2004). Malah kajian oleh Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007), Nur Hanani, Mohd Aderi dan Ab. Halim, (2013) serta Muhammad Shadid (1997) juga bersetuju bahawa pengajaran PI amat memerlukan pendekatan dan kaedah dan pengajaran yang bersesuaian terutamanya dalam bidang ibadat solat.

Faktor yang seterusnya ialah sikap murid terhadap pelaksanaan ibadat solat. Sikap sering kali dikaitkan dengan tiga elemen penting iaitu kognitif, afektif dan tingkah laku. Menurut Rohana et al., (2013) tingkah laku dalam konteks PI sering dikaitkan dengan pembentukan akhlak murid. Tingkah laku yang baik akan membentuk akhlak mulia dalam diri individu. Akhlak yang mulia dapat digambarkan dengan perbuatan, pemikiran dan tingkah laku individu. Namun, agak membimbangkan kerana masih terdapat pasangan suami isteri atau ibu bapa yang mengabaikan solat (Nur Dalilah & Raihanah, 2013). Sebagai contoh, kesannya ia akan memberi

pengaruh yang besar kepada sikap anak-anak di rumah. Selain itu, ini memberi kesan yang negatif ketika mereka berada di sekolah. Kesan daripada itu, telah memberi pengaruh besar ke atas sikap murid kerana terdapat murid yang mengabaikan solat fardu (Mohd. Suhardi, 2004). Dari aspek afektif pula, pengabaian solat fardu disebabkan sikap malas yang menguasai diri boleh menyebabkan kurangnya penghayatan untuk melaksanakan ibadat solat (Walijah, 2010). Kajian Syarul Azman Shaharuddin & Razaleigh Muhammat @ Kawangit (2014) mendapati sikap mualaf Cina adalah positif kerana mereka telah menunjukkan perasaan minat yang tinggi untuk mempelajari kursus fardu ain. Jelas sikap memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan ibadat solat.

Akhir sekali, persekitaran juga salah satu faktor yang mendorong pelaksanaan solat. Terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji tentang persekitaran pembelajaran dengan pelaksanaan solat. Sebagai contoh dalam kajian Sharifah Nur (2012) menjelaskan bahawa faktor ibu bapa dan pensyarah atau guru merupakan ejen yang paling mempengaruhi amalan solat murid. Manakala Rohana et al., (2013) mendapati ibu bapa ialah individu yang signifikan untuk mempengaruhi persekitaran murid terhadap pelaksanaan amalan solat mereka. Hal ini dibuktikan dengan kesahihan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Setiap bayi dilahirkan menurut fitrah, maka kedua-dua ibu bapa yang menyebabkannya menjadi seorang Yahudi, Nasrani ataupun Majusi”

(Riwayat al-Bukhari)

Hadis berkenaan jelas menunjukkan bahawa ibu bapa ialah individu penting yang berperanan untuk membentuk anak-anak dengan ilmu agama Iatau sebaliknya. Jika ibu bapa adalah seorang muslim maka didikan agama Islam akan diterapkan dalam kehidupan anak-anak (Ulwan, 2000). Asas pertama yang perlu diajar kepada anak-anak ialah pendidikan solat. Oleh itu, tanggungjawab ibu bapa adalah untuk menyuruh anak-anak menunaikan solat lima waktu sehari sejak daripada kecil lagi (Mohd Asri Abdullah et.al, 2011).

Hal ini menunjukkan persekitaran anak-anak pada peringkat awal diawasi oleh ibu bapa untuk membentuk personaliti yang baik (Ulwan, 1995). Persekitaran bermula daripada institusi kekeluargaan yang mempengaruhi sikap positif atau negatif dalam diri anak-anak. Selaras dengan pandangan Asy-Syaikh Ahmad al-Qattan (2010) keluarga bahagia akan melahirkan masyarakat yang harmoni.

Selanjutnya, persekitaran di sekolah pula meliputi segenap ruang pembelajaran yang wujud di sekitarnya. Pengaruh persekitaran di sekolah menyumbang kepada tingkah laku, emosi dan pemikiran murid. Oleh itu, guru ditugaskan untuk mengawal segala tingkah laku murid untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang baik di sekolah. Guru berperanan sebagai pengganti ibu bapa ketika mereka berada di sekolah. Kajian Bani Hidayat, Ab. Halim, Kamarulzaman & Nor Hayati,

(2014) mencadangkan agar proses pengajaran perlu dilaksanakan di surau sekolah terutamanya melibatkan kaedah tunjuk cara seperti adab masuk masjid, solat tahiyyatul masjid dan cara menjaga kebersihan di masjid. Hal ini amat bertepatan dengan saranan Rasulullah SAW yang telah mengajar solat secara praktikal kepada seluruh umat dan baginda melakukannya di hadapan para jemaah agar mereka dapat mengikuti perbuatan tersebut (Che Noraini, 2008). Kaedah ini secara tidak langsung dapat membantu murid untuk lebih bersemangat belajar dengan suasana yang baik.

Secara keseluruhannya, kepelbagaiannya metodologi pengajaran guru membantu murid untuk memudahkan mereka belajar tentang solat. Ini kerana pembelajaran dan pelaksanaan solat dapat membentuk individu ke arah yang lebih baik. Selain itu, persekitaran yang baik mampu merangsang semangat murid untuk melaksanakan solat. Kenyataan ini dijelaskan oleh Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md. Yusoff (2006) bahawa metodologi pengajaran mempunyai hubungan antara persekitaran fizikal dan sikap atau emosi murid. Oleh itu, penggabungan antara faktor berkenaan dapat menghasilkan pembelajaran dan pelaksanaan solat yang berkualiti.

1.3 Pernyataan Masalah

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan satu dasar yang dikenali dengan Pelan Strategik Interim 2011-2020. Tujuannya adalah untuk memantapkan aktiviti pengajaran dalam PI bagi menangani gejala sosial dan salah laku dalam kalangan murid. Aktiviti yang diadakan oleh pihak KPM seperti aktiviti Pendidikan Islam, dakwah serta aktiviti sivik dan kewarganegaraan. Hal ini membuktikan pihak kerajaan mengambil berat dari segi akidah, akhlak dan nilai agama terutama di peringkat sekolah.

Pendidikan Islam dirangka dengan tujuan untuk pembentukan akidah, pembinaan akhlak, pelaksanaan ibadah, kepatuhan kepada syariat serta penguasaan al-Quran dan bahasa arab (Abdullah Ishak, 1995). Oleh yang demikian, kajian tentang pelaksanaan ibadah solat perlu dilaksanakan untuk memastikan akhlak murid dapat dibentuk pada peringkat awal lagi. Berdasarkan statistik yang dicatatkan dalam Nurzatil Ismah, Nazneen, Sahlawati, Zanariah, & Asma' Wardah (2015) mendapati kes juvana di Selangor telah mencatatkan kes yang paling tinggi bagi pada tahun 2006 dan 2007. Permasalahan sosial dalam kalangan remaja di Selangor turut membimbangkan dengan pembabitan tiga remaja berusia 15 tahun yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah di Ampang. Selangor merupakan negeri kedua tertinggi yang mencatatkan penglibatan dalam penyalahgunaan dadah pada tahun 2010 iaitu sebanyak 3548 kes daripada 23642 kes (Agensi Antidadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri, 2010). Hal ini jelas menunjukkan bahawa solat mempunyai hubungan yang signifikan dengan akidah. Manakala akhlak pula adalah hasil daripada pelaksanaan ibadat dan kemantapan akidah. Pentingnya pelaksanaan ibadat solat diperkuuhkan dengan firman Allah yang bermaksud:

“Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan) keji dan mungkar”

(Surah Al-Ankabut, Ayat 45)

Solat merupakan perkara asas yang paling penting dalam pembentukan individu muslim. Namun demikian, remaja pada masa kini telah mengabaikan rukun Islam yang kedua dalam pegangan hidup mereka. Mereka seolah-olah mengambil sikap lewa terhadap kepentingan menunaikan solat fardu. Bagi mereka meninggalkan solat adalah perkara biasa sahaja sedangkan solat adalah tiang agama. Hal ini telah menimbulkan persoalan, apakah tahap pelaksanaan solat murid? Apakah faktor yang mempengaruhi pelaksanaan solat murid?, Penekanan tentang pendidikan agama perlu diambil serius oleh semua pihak yang bertanggungjawab. Walaubagaimanapun, terdapat kajian lepas yang menunjukkan pelajar di pengajian tinggi masih kurang melaksanakan ibadat solat sedangkan mereka telah mempelajarinya di sekolah rendah dan menengah secara formal. Menurut Shukri, Yahya, Wan Abd Rahman Khudri, Madiha, & Shahril Fazli (2014) tahap penghayatan solat dalam kalangan pelajar UUM adalah rendah. Diikuti dengan kajian Sharifah Nur (2012) mendapati bahawa tahap pengamalan solat fardu bagi pelajar Politeknik Kuching adalah tidak memuaskan. Jelas membuktikan pelajar institusi pengajian tinggi masih belum dapat menguasai sepenuh pengajaran ibadat solat di sekolah lagi. Kajian tentang ibadat solat telah banyak dijalankan di peringkat tinggi sebagai populasi kajian antaranya (Napisah, Salehudin, Mahadi, & Razi, 2004; Siti Zaleha, Norziah, & Phayilah, 2016), manakala di peringkat sekolah menengah masih kurang dijalankan.

Pernyataan ini dibuktikan lagi menerusi program ceramah dan motivasi oleh Fadilah Kamsah yang telah dijalankan di seluruh negara menyatakan bahawa sebanyak 80% rakyat Malaysia tidak cukup menunaikan solat lima waktu sehari. Apa yang lebih membimbangkan peratusan pelaksanaan solat murid adalah rendah kerana hanya 15% orang murid sekolah menengah yang menunaikan solat lima waktu sehari (Utusan Online, 2004). Hal ini disokong dalam kajian (Ahmad Noor Muhammi & Anisah, 2013) berdasarkan hasil analisis temubual yang telah diperolehi mendapati antara sebab seseorang murid meninggalkan solat adalah kerana sikap mereka yang malas untuk menunaikan ibadat wajib tersebut. Untuk mengatasi masalah tersebut guru perlu menggunakan kaedah dan pendekatan yang menarik dalam ibadat solat (Mohd Fakhruddin Fathiyah, Nor Hayati, Azimi, & Lukman, 2013). Seterusnya, kajian oleh Nur Dalilah & Raihanah (2013) menunjukkan seramai 17% orang murid di sekolah menengah yang melaksanakan solat. Manakala sebanyak 46% menunjukkan tahap perlaksanaan solat adalah lemah.

Aspek pelaksanaan solat masih kurang diberikan penekanan di peringkat sekolah. Kajian yang melibatkan ibadah solat telah banyak dijalankan oleh penyelidik yang lepas. Kajian Kamarul Hazani (2011) adalah untuk mengkaji dan mengenal pasti bentuk pelaksanaan program amali solat yang dijalankan di sekolah menengah melibatkan kepelbagai jenis sekolah yang terdapat di daerah Hulu Langat. Namun begitu, kajian tentang pelaksanaan ibadah solat yang melibatkan tiga faktor utama

iaitu metodologi pengajaran guru, sikap murid terhadap ibadah solat dan persekitaran pembelajaran murid masih kurang dijalankan di daerah Hulu Langat. Justeru, kajian ini memberi fokus kepada faktor yang mempengaruhi pelaksanaan solat murid tingkatan empat di sekolah menengah. Walaubagaimanapun, boleh ubah bagi amalan pengajaran guru, sikap murid dan persekitaran pembelajaran telah diukur oleh (Mohd Aderi, 2008) dalam konteks Tilawah al-Quran. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat faktor yang mempengaruhi metodologi pengajaran guru, sikap murid terhadap ibadah solat dan persekitaran pembelajaran murid dalam pelaksanaan ibadah solat. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat meningkatkan lagi pelaksanaan solat di sekolah menengah khususnya.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pelaksanaan ibadat solat dalam kalangan murid tingkatan 4 sekolah menengah di Hulu Langat. Objektif kajian secara khusus adalah untuk :

1. mengenal pasti tahap metodologi pengajaran guru, tahap sikap murid terhadap ibadat solat, tahap persekitaran pembelajaran dan tahap pelaksanaan ibadat solat dalam kalangan murid tingkatan empat.
2. mengenal pasti hubungan antara metodologi pengajaran guru, sikap murid terhadap ibadat solat dan persekitaran pembelajaran murid dengan pelaksanaan ibadat solat dalam kalangan murid tingkatan empat.
3. mengenal pasti sumbangan faktor peramal yang mempengaruhi pelaksanaan solat dalam kalangan murid tingkatan empat.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian telah dibina oleh penyelidik berdasarkan objektif kajian di atas. Berikut merupakan persoalan kajian yang telah ditentukan:

1. Apakah tahap pelaksanaan solat dalam kalangan murid tingkatan empat?
2. Apakah tahap metodologi pengajaran guru dalam kalangan murid sekolah?
3. Apakah tahap sikap murid terhadap ibadat solat dalam kalangan murid tingkatan empat?
4. Apakah tahap persekitaran pembelajaran dalam kalangan murid tingkatan empat?
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara metodologi pengajaran guru dengan pelaksanaan solat dalam kalangan murid tingkatan empat?
6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap murid terhadap ibadat solat dengan pelaksanaan solat dalam kalangan murid tingkatan empat?
7. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran pembelajaran murid dengan pelaksanaan solat dalam kalangan murid tingkatan empat?

8. Apakah faktor peramal yang mempengaruhi pelaksanaan solat dalam kalangan murid tingkatan empat?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini diharap dapat memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu, polisi dan dasar pendidikan, institusi keluarga, pihak sekolah dan guru PI dalam memantapkan lagi PI.

Kajian ini menggunakan model solat sempurna Al-Ghazali (1994) dan teori pembelajaran sosial Bandura (1977). Justeru, diharapkan kajian ini dapat memperkayakan dan menguatkan teori untuk diaplikasikan dalam kajian yang akan datang. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu pengetahuan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan berkaitan dengan pelaksanaan ibadat solat.

Seterusnya, kajian ini secara tidak langsung dapat membantu pihak yang berkenaan untuk menambah baik dasar dan polisi dalam pendidikan. Antara pihak yang terlibat ialah Kementerian Pendidikan Malaysia khasnya Bahagian Pendidikan Islam untuk merangka latihan dalam perkhidmatan bagi guru-guru terlatih. Di samping itu, program pendidikan guru khasnya dalam kalangan guru PI boleh ditambah baik untuk mempertingkatkan dan mempelbagaikan metodologi pengajaran guru khasnya berkaitan dengan pendekatan dan kaedah pengajaran solat.

Selanjutnya, kajian ini diharapkan dapat menambah baik amalan pendidikan. Hasil kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada ibu bapa untuk mengawasi pelaksanaan solat anak mereka di rumah. Memandangkan ibadat solat lebih banyak dilaksanakan di rumah berbanding di sekolah. Oleh itu, ibu bapa perlu memainkan peranan dalam memikul tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah.

Selain daripada itu, kajian ini dapat membantu guru untuk mengenal pasti kelemahan pengajaran dan pembelajaran mereka. Secara langsung kajian ini dapat membantu guru mempertingkatkan lagi kualiti pengajaran dengan memilih kaedah dan pendekatan pengajaran yang sesuai serta dapat meningkatkan pelaksanaan ibadat solat murid. Hal ini kerana guru bukan sekadar penyampai ilmu atau pengajar tetapi juga berperanan sebagai pendidik dan pendakwah.

1.7 Limitasi Kajian

Kajian ini melibatkan murid tingkatan empat di beberapa sekolah menengah kebangsaan daerah Hulu Langat. Sampel kajian terdiri daripada 360 orang responden. Walau bagaimanapun, sekolah menengah agama berasrama penuh, sekolah agama menengah negeri dan sekolah menengah kebangsaan agama yang terdapat di Hulu Langat tidak terlibat secara langsung dalam kajian ini. Oleh itu, kajian ini hanya boleh digeneralisasikan kepada murid sekolah menengah kebangsaan di Hulu Langat atau yang mempunyai persamaan daripada segi ciri demografi populasi.

Kajian ini memfokuskan kepada pemboleh ubah yang dikaji iaitu metodologi pengajaran guru, sikap murid terhadap ibadat solat dan persekitaran pembelajaran murid mempengaruhi pelaksanaan ibadat solat. Dalam kajian ini, sampel kajian dibataskan kepada murid sekolah menengah untuk mengkaji persepsi mereka tentang faktor yang mempengaruhi pelaksanaan solat. Justeru itu, segala maklumat yang dilaporkan adalah berdasarkan kepada kejujuran responden semasa menjawab soal selidik.

1.8 Definisi Konsep dan Operasional Kajian

1.8.1 Ibadat Solat

Yusuf Al-Qardhawi (2013) mentakrifkan ibadat sebagai tunduk, merendahkan diri dan penyembahan kepada Pencipta. Manakala Fathi Yakan (2008) pula menyatakan ibadat secara umumnya merangkumi segenap bahagian kehidupan meliputi puasa, zakat, haji dan solat. Pengertian solat secara khusus merupakan perkataan dan perbuatan yang tertentu dimulai dengan takbir dan diakhiri dengan salam (Abdul Qadir ar-Rahbawi, 2001). Dalam konteks kajian, ibadat solat yang dikaji adalah merujuk kepada pelaksanaan solat fardu murid tingkatan empat. Komponen yang diukur meliputi perkara sebelum dan semasa mendirikan solat berdasarkan rukun dan syarat sah solat.

1.8.2 Metodologi Pengajaran Guru

Menurut Ahmad Mohd. Salleh (1997) metodologi merupakan aktiviti pengajaran yang dirancang oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran sehingga berlaku perubahan pada tingkah laku murid. Guru menggunakan cara, teknik atau pendekatan dalam metodologi pengajaran (Ghazali Darusalam, 2004). Hal ini memudahkan guru untuk menyampaikan pengajaran mengikut tahap kemampuan murid. Justeru, metodologi pengajaran melibatkan kaedah dan pendekatan. Dalam konteks kajian ini, metodologi pengajaran merujuk kepada pendekatan dan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru semasa mengajar ibadat solat. Sebagaimana

yang diketahui, pengajaran ibadat solat adalah bersifat teori dan amali. Oleh itu, penggunaan kaedah dan pendekatan perlu sesuai dalam konteks pengajaran ibadat solat.

1.8.3 Pendekatan Pengajaran

Pendekatan wujud daripada tanggapan untuk menghuraikan sifat mata pelajaran yang diajar serta menyatakan suatu pendapat, falsafah atau pengajaran yang tidak semestinya dibuktikan secara mutlak (Ahmad Mohd. Salleh, 1997). Hal ini disokong oleh Tengku Sarina Aini & Faridah (2008) menyatakan bahawa setiap pendekatan yang digunakan perlu mencerminkan satu pandangan tentang hakikat matlamat pengajaran. Guru perlu berperanan untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran daripada mudah kepada lebih sukar dan daripada konkret kepada abstrak (Shahabuddin, Rohizani, & Mohd. Zohir, 2007). Dalam konteks kajian, pendekatan merujuk kepada pendekatan induktif dan deduktif memandangkan kedua-dua pendekatan tersebut yang paling sesuai untuk diterapkan dalam pengajaran ibadat solat.

1.8.4 Kaedah Pengajaran

Kaedah pengajaran adalah langkah dan cara yang digunakan oleh guru sepanjang sesi pengajaran sehingga murid dapat memahami isi kandungan yang disampaikan (Ab. Halim et al., 2010). Gamal, Salwa & Aliff (2015) menyatakan kaedah melibatkan langkah-langkah dan peraturan-peraturan yang perlu diikuti dengan penuh berhati-hati untuk mencapai objektif pengajaran. Oleh yang demikian, guru perlu bijak dalam memilih kaedah yang bersesuaian dengan topik pengajaran. Pada mulanya guru menentukan pendekatan, selepas itu memilih kaedah yang sesuai untuk digunakan dalam pengajaran mereka. Hal ini amat bertepatan dengan pernyataan bahawa kaedah adalah sebahagian daripada pendekatan (Shahabuddin, Rohizani, et al., 2007). Dalam konteks kajian, kaedah pengajaran merujuk kepada cara yang digunakan oleh guru agar pengajaran ibadat solat dilaksanakan dengan berkesan.

1.8.5 Sikap Terhadap Ibadat Solat

Sikap ialah kecenderungan individu terhadap rangsangan dan gerak balas yang timbul dalam diri sama ada tindakan tersebut negatif atau positif mengikut pelbagai situasi (Azizi, Asmah, Zurihanmi, & Fawziah, 2005). Kamarudin Husin (2010) pula mendefinisikan sikap sebagai pembawaan yang dipengaruhi oleh emosi untuk bertindak balas terhadap sekeliling sama ada dalam bentuk kumpulan, benda atau isu tertentu terhasil daripada pembawaan emosi yang ditonjolkan. Sikap dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kognitif, afektif dan tingkah laku (Asmawati Desa, 2002). Dalam konteks kajian ini, sikap merujuk kepada kecenderungan murid terhadap pelaksanaan solat di rumah dan sekolah. Sikap

diukur dalam aspek kognitif iaitu kemampuan murid menggunakan pemikiran mereka dalam mengingati dan menghafal segala bacaan dalam solat, rukun-rukun solat dan perbuatan dalam solat. Aspek kedua yang diukur ialah afektif digambarkan dengan perasaan seseorang seperti bosan, seronok, tidak suka, marah, dan bersemangat dalam melaksanakan ibadat solat. Akhir sekali, aspek tingkah laku yang diukur pula merujuk kepada perlakuan atau tindakan untuk melaksanakan ibadat solat.

1.8.6 Persekutaran Pembelajaran

Che Nidzam, Noraini, Mazlini, Marzita dan Mohd Hairy (2013) menyatakan persekitaran adalah ruang yang diperuntukkan dalam pembelajaran. Ruang persekitaran pembelajaran adalah tempat untuk membolehkan seseorang murid melibatkan diri, mengambil bahagian serta memberi tumpuan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Haliza Hamzah & Joy Nesamalar Samuel, 2009). Dalam konteks kajian ini pula, persekitaran pembelajaran adalah ruang yang mempengaruhi murid untuk melaksanakan ibadat solat iaitu persekitaran di rumah dan sekolah.

1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini menerangkan tentang pengenalan kajian yang dijalankan. Antara perkara yang dibincangkan ialah latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian, konsep dan definisi operasional kajian. Aspek utama dalam kajian ini adalah tentang faktor-faktor iaitu metodologi pengajaran guru, sikap murid terhadap ibadat solat dan persekitaran pembelajaran yang mempengaruhi pelaksanaan ibadat solat.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak & Shahrin Awaluddin. (2010). Kaedah pengajaran Pendidikan Islam konvensional dan inovasi. Dalam Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, *Kaedah Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam* (ms. 38-70). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd. Majib Mat Isa, Christina Ligadu, D. Maryama Ag Daud, Khalid Johari & Rosy Talin. (2002). *Pemikiran dalam pendidikan*. Kota Kinabalu: Univeristi Malaysia Sabah.
- Abd. Rashid Ahmad. (1995). Aspek-aspek pendidikan dalam solat. *Jurnal Usuluddin*, (2):155-178.
- Abdul Fattah Abu Ghuddah. (2011). *40 Strategi Pendidikan Rasulullah*. Bandar Baru Bangi: Pelima Media Sdn. Bhd.
- Abdul Qadir ar-Rahbawi. (2001). *Salat Empat Mazhab*. Kuala Lumpur: Penerbit Victory Agencie.
- Abdul Rashid Ahmad. (1996). *Pendidikan Ibadah Menurut Wasiat Luqman*. Subang Jaya: Penerbit Al-Ramadhan.
- Abdullah ath-Thayyar. (2006). *Ensiklopedia shalat*. Jakarta: Maghfirah Pustaka.
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Faisol Omar. (2014). *Ibadah mukmin*. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Ahmad Mohd Salleh. (2011). *Kurikulum, Metodologi Dan Pedagogi Pengajian Islam Edisi Kedua KPLI Pengajian Islam & j-QAF* (kedua). Shah Alam: Oxford Fajar Sdn.Bhd.
- Ahmad Mohd Salleh. (1997). *Pendidikan Islam Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Noor Muhaimi Noor Ley., & Anisah Harun. (2013). Meningkatkan Kemahiran Mengurus Masa Menggunakan Set Kesempurnaan Solat Bagi Tahun 4 Rasional Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman 1. In *Seminar Penyelidikan Tindakan PISMP 2013* (pp. 58–67).
- Al-Ghazali. (1994). *Mukasyafah Al-Qulub* (Cet. Keenam). Beirut: Dar Ihya' Al-Ulum.
- Al-Ghazali. (2008). *Minhaj al-Abidin Ila al-Jannah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Alamiah.

- Al-Ghazali. (2013). *Penenang Jiwa*. Solahuddin al-Ashani (Ed.). Batu Caves: Pustaka Al-Ehsan.
- Ali As'ad. (1988). *Terjemahan Fathul Mu'min* (Jilid 1, 2). Klang: Klang Book Centre.
- Al-Kholee. (2000). *Solat Mendidik Jiwa*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Anita E.Woolfolk. (2012). *Psikologi Pendidikan*. (Norma Saad, Sarimah Shaik Abdullah, Sharifah Fazliyatun Shaik Ismail, & Wan Zalina Wan Din, Eds.). Kuala Lumpur dan Kedah: Institut Terjemahan & Buku Malaysia dan UUM Press.
- Armansyah. (2011). *Israk Mikraj Tinjauan Sainstifik Di Sebalik Kontroversi*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Asmawati Desa. (2002). *Psikologi Untuk Golongan Profesional*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Asmawati Suhid. (2013). Penelitian Dan Pemahaman Terhadap Model Program j-QAF. *Kertas dibentang pada Seminar Kebangsaan Penyelidikan j-QAF pada 19-20 Jun*. Puri Pujangga: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmawati Suhid, & Lukman Abdul Mutalib. (2009). Tinjauan terhadap pelaksanaan kem bestari solat. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 15–28.
- Asy-Syaikh Ahmad al-Qattan. (2010). *Pendidikan Anak Cemerlang Menurut Al-Quran Dan As-Sunnah*. Batu caves: Penerbit pustaka Ilmi.
- Azhar Ahmad, & Ab.Halim Tamuri. (2010). Pembelajaran Pengaturan Kendiri dalam Pendidikan Islam. Dalam Ab. Halim Tamuri, & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (ms:71), *Kaedah Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Yahya, Asmah Suboh, Zurihanmi Zakariya, & Fawziah Yahya. (2005). *Aplikasi Kognitif Dalam Pendidikan*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Kurikulum Standart Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- Bani Hidayat Mohd Salleh. (2014). *Fungsi Surau Sekolah dalam Pengajaran dan Pembelajaran PI*. Tesis Phd, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bani Hidayat Mohd Shafie, Ab. Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani, & Nor Hayati Fatmi Talib. (2014). Persepsi murid terhadap penggunaan surau sekolah

- di sekolah menengah kebangsaan di malaysia. *Journal Of Islamic Education*, 2(1): 76–85.
- Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayat Fatmi Talib., Nor Saleha Mohd Salleh., & Ab. Halim Tamuri. (2011). Surau Sekolah dalam Pelaksanaan Amali Solat di Sekolah. *Dalam International Conference and Exhibition on Research In Islamic and Arabic Language Education*.
- Bartlett, J.F, Kortlink, J.W, & Higgins, C.C . (2001). Organizational Research: Determining appropriate sampel size in survey research. *Information Technology, Learning and Performance Journal*, 19(1): 43–50.
- Che Nidzam Che Ahmad, Kamisah Osman, & Lilia Halim. (2013). *Persekutaran Pembelajaran Aspek Fizikal dan Psikososial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Che Nidzam Che Ahmad, Noraini Mohamed Noh, Mazlini Adnan, Marzita Putih, & Mohd Hairy Ibrahim. (2013). Pengaruh persekitaran fizikal bilik darjah terhadap tahap keselesaan pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI* : 6.1-8.
- Che Noraini Hashim. (2008). Kepelbagaiian pendekatan dan pengajaran dan pembelajaran rasulullah SAW demi menjana pendidikan yang berkesan. *Jurnal Pendidikan Islam*, 13(1): 62-78.
- Chua Yan Piaw. (2012). *Asas Statistik Penyelidikan: Kaedah Statistik Penyelidikan* (kedua). Kuala: Mc Graw Hill Education.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research Method In Education* (6th ed.). London: Routledge Falmer.
- Creswell, J. W. (2008). *Education Research : Planning, Conducting, And Evaluating Quantitattive And Qualitative Research*. Merrill: Prentice Hall.
- Ee Ah Meng. (1994). *Psikologi Dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Fathi Yakan. (2008). *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Nor Hayati Alwi, Azimi Hamzah, & Lukman Abdul Mutualib. (2013). Pemahaman dan pengalaman guru Pendidikan Islam menerapkan elemen amalan dalam pengajaran. *Journal of Islamic Education*, 1(1): 1–16.
- Fraenkel, J. R., & Wallen, N. E. (2009). *How To Design And Evaluate Research In Education*. New York: Mc Graw Hill.

- Gamal Abdul Nasir Zakaria, Salwa Mahalle, & Aliff Nawi. (2015). Kajian amalan pengajaran guru Bahasa Arab sekolah menengah di negara Brunei Darussalam. *Journal of Islamic Education*, 3(1):32–40.
- George, D., & Mallery, P. (2003). *SPSS for Windows Step By Step: A Simple Guide And Reference.11.0* (4th Edition). Boston: Allyn & Bacon.
- Ghazali Darusalam. (2004). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan amalan dan analisis kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Guildford J.P (1973). *Fundamental Statistics in Psychology and Education* (5Th Edition). New York: Mc Graw Hill.
- Editorial: Solat lima waktu-80 peratus tidak mengerjakannya [Editorial] 16 Jun 2004 *UtusanOnline*.Retrieved from http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0616&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.
- Habibah Elias, & Rahil Mahyuddin. (1990). *Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hair JR, J., C. Black, W., J. Babin, B., & E.Anderson, R. (2010). *Multivariate data analysis*. New Jersey: Upper Saddle River, NJ : Prentice Hall.
- Halimah Abdul Halim, & Zainab Ismail. (2015). Pendekatan pencegahan kaunselor muslim dalam menangani salah laku pelajar Sekolah Menengah di Daerah Klang , Selangor. *International Journal of Islamic Thought*, 8.17–26.
- Haliza Hamzah & Joy Nesamalar Samuel. (2009). *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn.Bhd.
- Hamdi Ishak, Abd Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, & Safani Bari. (2012). Amalan pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2).11–24.
- Hamdi Rahman M, Mazlah Y, & Masturrah I. (2013). Model penghayatan solat berasaskan kaedah tafakur. *Global Journal Al-Thaqafah*, 3(2): 65–78.
- Hanafi A-Mahallawi. (2011). *Melintasi Tujuh Lapisan Langit*. Kuala Lumpur: Progressive Publishing House Sdn. Bhd.
- Hasbi Ash Siddieqy. (1996). *Pedoman Solat* (Cetakan ke). Batu Caves, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd
- Hasna, B., Ahmad Syukran, B., & Mohd Ismail, M. (2015). Kefahaman ibadat solat fardu dalam kalangan pelajar muslim: Kajian tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. *Sains Humanika*, 3, 21–34.

- Hasnan Kanan. (2012). *Mari Memahami Dan Menghayati Bacaan Solat*. Balakong: Sinar Tenggara Sdn. Bhd.
- Imam Ahmad Ibnu Hambal. (2003). *Betulkan solat anda*. Umar Hubeis & Bey Ariffin (Ed.), Batu Caves, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Imam al-Ghazali. (1995). *Bukan Golongan Solat*. Mat Ismail Abdul Rahman (Ed.), Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Imam al-Ghazali. (2009). *Bimbangan Mukmin*. (Yaman Johari & I. Azhari, Eds.). Rawang: Nadi Minda Resources.
- Imam Bukhari. (2006). *Shahih Bukhari*. Syed Ahmad Semait (Ed.), (Jilid Pertama dan Kedua). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Imam al-Ghazali. (2008). *Ringkasan Ihya' 'Ulumuddin*. Ahmad Abdurraziq al-Bakri, (Ed.) (cetakan: 4). Jakarta: Sahara Publisher.
- Jasmi Amin, Rosli Ibrahim, & Saharia Ismail. (2012). Penggunaan Surau Sekolah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Kebangsaan Negeri Melaka. In *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam* (pp. 708–720). Seri Begawan, Brunei Darussalam: Kolej Universiti Ugama Seri Begawan, Brunei Darussalam.
- Johari Yaman. (2008). *Bimbangan, Penghayatan dan Kesempurnaan Solat*. Rawang: Nadi Minda Resources.
- Kamaruddin Hussin. (1988). *Pedagogi bahasa*. Selangor: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Kamarudin Hussin. (2010). *Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi., & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam : Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai, Universiti Teknologi Malaysia: Penerbit UTM Press.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2011). Kajian kes penggunaan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) sekolah bandar dan luar bandar: satu kajian perbandingan. *Jurnal Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia*, 56: 179–198.
- Kamarul Azmi Jasmi., Mohd Faeez Ilias, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2011). Amalan penggunaan bahan bantu mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1): 59–74.
- Kamarul Hazani Yusof. (2011). *Pelaksanaan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardu Ain (PAFA): Kajian di Sekolah Menengah Daerah Hulu Langat*. Tesis Master. Universiti Malaya.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1988). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2005). *Buku Panduan Pelaksanaan Amali Edisi 5*. Putrajaya: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2008). *I Sukatan Amali Pindaan Mac 22 - 08*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). *Dokumen Standard Kurikulum & Pentaksiran Pendidikan Islam Tahun 2*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Khalim Zainal, & Wan Zulkifli Wan Hassan. (2009). Pendekatan Islam dalam menangani masalah disiplin tegar dalam kalangan pelajar sekolah : Satu kajian kes. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 1–14.
- Lay Yoon fah, & Khow Chwee hoon. (2012). *Pengenalan kepada pendekatan kuantitatif dalam penyelidikan pendidikan*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Lembaga Penyelidikan Undang-undang. (1998). *Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) & Peraturan-peraturan terpilih*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Lim Huey Fern H, & Lim Hooi Lian. (2016). Pengesahan instrumen sikap terhadap matematik dalam kalangan murid tingkatan empat di Kedah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(1): 1–13.
- Maimun Aqsa Lubis, & Roslan Aspar. (2005). Kaedah pengajaran pengetahuan agama Islam di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan*, 30: 141–149.
- Marzuki Mohd Noor. (2012). *Koleksi Terpilih Doa Pelajar*. Batu Caves, Selangor: PTS Islamika sdn. bhd.
- Mohamad Fuad Ishak, & Ahmad Sunawari Long. (2006). Budaya Melepak di Kalangan Remaja Perempuan Muslim dan Penyelesaiannya: Kajian Kes di Kajang. In *Prosiding Kolokium Siswazah Fakulti Pengajian Islam SIRI 2*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Zaini Yahya. et al. (2014). *Tafsir Maudhu'iy : Ibadah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Aderi Che Noh. (2008). *Hubungan antara Amalan Pengajaran Guru dan Pencapaian Tilawah Al-Quran Pelajar Tingkatan Dua di Malaysia*. Tesis Phd. Universiti Putra Malaysia.

Mohd Asri Abdullah, Kamariah Yusoff, Che Kamaruddin Md Daud, Zawawi Temyati, Ahmad Shukran Abdul Razak, Mashita Abu Hassan, Khairul Faezi Mohd Said, Baterah Alias, Norsiah Sulaiman, Farahdina Abdul Manaf, Che Hashim Md Said, Azizih Zakaria. (2011). *Prinsip-prinsip asas Islam syariat, ibadat dan akhlak*. Pusat Penerbit Universiti (UPENA).

Mohd Fazli Hassan, Suhaida Abdul Kadir, & Soaib Asmira. (2013). Hubungan persekitaran sekolah dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah menengah. *Jurnal Penyelidikan Malaysia*, 38(2): 1–9.

Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Mohd Rumaizuddin Ghazali. (2005). *Minda Hadhari*. Petaling Jaya: Tradisi Ilmu Sdn. Bhd.

Mohd Sabri Mamat, Syed Najmuddin Syed Hassan, & Ab. Halim Tamuri. (2009). Amalan ibadat harian dan sumbangannya kepada kecerdasan emosi remaja. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1): 29–40.

Mohd Yusri Ibrahim. (2010). *Bimbingan Cepat : Analisis Data Penyelidikan Untuk Pendidikan Dan Sains Sosial*. Kuantan: Bandar Ilmu.

Mohd. Suhardi Mat Jusoh. (2004). *Pengabaian Solat Fardu di Kalangan Remaja: Kajian di Sekolah Menengah Di Sekitar Daerah Pasir Puteh, Kelantan*. Tesis Master Universiti Malaya.

Mok Soon Sang. (2009). *Psikologi Pendidikan dan Pedagogi Murid dan Alam Belajar*. Puchong: Penerbit Multimedia Sdn.Bhd.

Mok Soon Sang. (2010). *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran & Pembelajaran*. Batu Caves, Selangor: Penerbit Multimedia Sdn.Bhd.

Mok Soon Sang. (2011). *Falsafah pendidikan, kurikulum dan profesional keguruan*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Morgan, G. A., L.Leech, N., Gloeckner, G. W., & Barrett, K. C. (2013). *IBM SPSS For Introductory Statistics Use And Interpretation* (Fifth Edit). New York and London: Routledge Taylor & Francis Group.

Muhammad Nur Abdul Hafiz Suaid. (2010). *Asas Membina Generasi Berkualiti*. Batu Caves, Selangor: Al-Hidayah Publication.

Muhammad Shadid. (1994). *Metodologi al-Quran Dalam Pendidikan*. (K. Osman, Ed.). Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri..

- Napisah Humni, Salehudin Sabar, Mahadi Khalid, & Razi Muhd Suradi. (2004). Perlaksanaan ibadah solat fardhu di kalangan Guru Pelatih Islam Maktab Penguruan Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan MPB*; 10(5): 104-116.
- Noor Azimah Surip, & Ab. Halim Tamuri. (2012). Penilaian pelaksanaan Kem Bestari Solat program j-QAF di Sekolah Rendah: Kajian di daerah Kuala Selangor. *Dalam prosiding seminar penyelidikan pendidikan*.
- Nor Azah Abdul Aziz. (2011). Kaedah menangani stres dengan solat. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(2): 1–10.
- Nor Azira Yusuf. (2008). *Hubungkait antara pengabaian solat dengan buruk laku individu: Kajian di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur*. (Tesis Master. Universiti Malaya).
- Nor Dalilah Zakaria. (2012). *Pelaksanaan ibadat solat dan hubungannya dengan konflik rumah tangga: Kajian di unit rundingcara keluarga, bahagian perkahwinan dan pembangunan keluarga, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan*. Tesis Master. Universiti Malaya.
- Nor Hanis Hamirudin. (2015). *Faktor yang mempengaruhi amalan solat fardu dan hubungan amalan solat dengan tahap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar institusi Kemahiran Mara (IKM) Kuala Lumpur*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam Pendidikan* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Noriati A. Rasyid, Lee, Keok, Cheong., Zulkufli Mahayuddin, & Zakiah Nordin. (2012). *Falsafah & Pendidikan di Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn.Bhd.
- Norsuhaila Musa, Mohd Hilmi Mat Said, & Muhammad Nubli Abdul Wahab. (2014). Aplikasi khusyuk solat menerusi pendekatan teknik biofeedback. *Ulum Islamiyyah Journal*, 13: 3–18.
- Nur Dalilah Zakaria, & Raihanah Azahari. (2013). Hubungan antara tahap pelaksanaan solat fardu dengan konflik rumah tangga: Kajian di Unit Rundingcara Keluarga (URK) Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). *Jurnal Syariah*, 21(2):145–164.
- Nur Hanani Hussin, Mohd Aderi Che Noh, & Ab. Halim Tamuri. (2013). Elemen mengenali murid dalam pengajaran guru cemerlang Pendidikan Islam. *Journal Of Islamic Education*, 1(2): 10–19.
- Nuryadi Yahya. (2011). *Solat Diterima Solat Ditolok Allah SWT*. Kuala Lumpur: Progressive Publishing House Sdn. Bhd.
- Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Sahlawati Abu Bakar, Zanariah Dimon, & Asma' Wardah, Surtahman (2015). Permasalahan Sosial dalam Kalangan

- Remaja di Selangor : Satu Tinjauan. In *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah (IRSYAD)* (pp. 12–13).
- Othman Talib. (2016). *SPSS Analisis Data Kuantitatif Untuk Penyelidik Muda*. Bandar Baru Bangi: MPWS Rich Publication Sdn Bhd.
- Palaniappan Ananda Kumar. (2007). *SPSS dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Prentice Hall.
- Pallant, J. (2013). *SPSS SURVIVAL MANUAL A Step By Step Guide to Data Analysis Using SPSS* (5th Edition). New York: Mc Graw Hill.
- Rahil Mahyuddin, & Habibah Elias. (2002). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Rohana Tan, Norhasni Zainal Abidin, Azimi Hamzah, & Fatiyah Mohd Fakhruddin. (2013). Pengaruh faktor psikososial ke atas penghayatan akhlak islam dalam kalangan belia Institusi Pengajian Tinggi Awam terpilih di Malaysia (The Influence of Psychosocial Factors on Islamic Moral Value (Akhlaq) Among Youth in Selected Public University). *Jurnal Personalia Pelajar*, 16:55–64.
- Sabariah Bahrub, Saiful Akhyar Lubis, & Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2014). Pelaksanaan kurikulum j-QAF oleh guru pelatih institut pendidikan guru kampus Kent, Tuaran, Sabah. *Jurnal Usuluddin*, 39:135–157.
- Salkind, Neil J. (1997). *Exploring Research* (3rd Edition). Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall.
- Santrock, J. W. (2009). *Educational Psychology* (4Th edition.). New York: Mc Graw Hill.
- Sayyid Sabid. (1990). *Fikih Sunnah*. Bandung: Victory Agencie Indonesia.
- Shaffer, D. R. (2005). *Social and personality development* (5th Editio). United States of America: Thomson Learning.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub, & Mohd. Zohir Ahmad. (2007). *Pedagogi Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1987). *Psikologi Pendidikan 2: Psikologi Pembelajaran dan Kognitif, Bimbingan dan Kaunseling*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Sharifah Nur Abu. (2009). Pengamalan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak. *Dalam International Seminar on Research in Islamic Studies 2 (ISRIS 2) pada 15-16 Februari*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Shuki Osman, & Rahmad Sukor Ab Samad. (2009). Menterjemah Kurikulum Kepada Pengajaran dan Pembelajaran Bilik Darjah. Dalam Noraini Idris & Shuki Osman (Eds.), *Pengajaran dan Pembelajaran Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Shukri, A., Yahya, D., Wan Abd Rahman Khudri, W. A., Madiha, M. I., & Shahril Fazli, M. H. (2014). Penghayatan Solat Dan Pengimaranan Masjid : Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia. In *Proceeding Of The Social Sciences Research ICSSR 2014* (Vol. 2014, pp. 786–797).
- Sidek, B. (2006). *Pendidikan Rabbani Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Shah Alam. Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Sidek, B. (2011). *Tajdid Ilmu dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Techknowlogic Trading Sdn. Bhd.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori Dan Praktif* Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Siti Fatimah Ahmad dan Abd Halim Tamuri. (2010). Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berdasarkan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2): 53–64.
- Siti Zaleha Ibrahim., Norziah Othman, & Phayilah, Yama. (2016). Penghayatan dan pelaksanaan solat berjemaah dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi islam. In *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah (IRSYAD)* (pp. 490–506).
- Sufean Hussin. (1993). *Pendidikan Di Malaysia Sejarah, Sistem Dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syaikh Najmuddin Al-Ghaithiy. (2008). *Israk & Mikraj Latarbelakang Dan Falsafahnya*. Batu Caves: Crescent News KL0 Sdn. Bhd.
- Syarul Azman Shaharuddin, & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2014). Sikap pembelajaran terhadap pencapaian kursus fardhu ain dalam kalangan mualaf Cina di Jabatan Agama Islam Daerah Kajang. *Islamiyyat*, 36(2): 97–102.
- Syed Hamid Al-Habsyi. (1993). *Penghayatan Solat Pengertian Tentang Sembahyang*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.
- Syed Kamaruzaman Syed Ali, Muhamad Akhbar Zaidi, Rahmad Sukor Abdul Samad, & Wee, A. S. S. I. (2014). Faktor kekangan ibu bapa dan persekitaran sekolah dalam pelaksanaan pengajaran Pendidikan Jasmani di sekolah rendah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil 1(2): 20–31.
- Tabachnick, B., & Fidell, L. (2007). *Using Multivariate Statistics* (5th Edition). New York: Pearson Education, Inc.

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, & Faridah Che Hussin. (2008). Pendekatan individu dalam pengajaran Pendidikan Islam sebagai wahana melahirkan modal insan bertamadun. *Jurnal Usuluddin*, 27: 141–156.

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md. Yusoff. (2006). *Kaedah Mengajar dan Kemahiran Interpersonal Guru*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Ulwan, Abdullah Nasih. (1995). *Pedoman Pendidikan Anak Dalam Islam*. Anwar Rasyidi, Saifullah Kamalie & Hery Noer Ali, (Ed). Bandung: Penerbit Asy-Syifa'.

Ulwan, Abdullah Nasih (2000). *Pendidikan anak-anak menurut pandangan Islam*. Osman Khalid, Sohair Abdul Moneim sery, Siti Saudah Hassan, Fatimah Abdul Ghani, Busuru Talib (Ed.). (Jilid kedua). Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Walijah Ahmad Jamuri. (2010). *Penghayatan Ibadah dalam Kalangan Pelajar Islam: Kajian di Beberapa Buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Petaling Jaya, Selangor*. (Tesis Sarjana Syariah yang Tidak Diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Wan Ismail Muhammad, Kamariah Yusuf, & Azizah Ismail. (2006). *Fiqh Amali*. Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn. Bhd.

Wan Sakiah Wan Ngah, Kamarulzaman Abd Ghani, & Maimun Aqsa Lubis. (2011). Persekutaran pembelajaran kefahaman bacaan bahasa arab dalam kalangan murid j-Qaf. *Journal of Islamic Education*, (1974):1–7.

Yahya Don. (2006). *Psikologi Sosial Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Yusuf Al-Qardhawi. (2013). *Ibadah Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.

Zaharuddin Abdul Rahman. (2008). *Formula Solat Sempurna*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Zainudin Sharif, & Norazmah Mohammad Roslan. (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Psychology & Counseling*, 1: 115–140.

Zakaria Stapa, Ahmad Munawar, & Noranizah Idris. (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri (Social Environmental Factors and Their Relation to Identity Formation). *Jurnal Hadhari Special Edition*: 155–172.

Zamri Mahamod. (2012). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zuria Mahmud, Noriah, Mohd Ishak, Siti Rahayah Ariffin, Hamidah Yamat, Khadijah Abdul Razak, & Shahrin Awaludin (Eds). (2002). Prosiding Seminar Kebangsaan Profesional Perguruan 2002 : *Profesional Perguruan : Cabaran Pendidikan Masa Kini*. Bandar Baru Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

